

Sunway Iskandar tawar gaya hidup moden

Kumpulan Sunway menjadi pelabur terbaharu memilih Iskandar Malaysia selepas melancarkan projek pembangunan bercampur, Sunway Iskandar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM30 bilion.

Projek menawarkan gaya hidup moden, bermutu dan berprestij itu dibangunkan di tapak seluas 728 hektar membabitkan enam presint iaitu The Capital, Parkview, Lakeview, Riverside, Seafront dan Marketplace yang dijangka siap sekurang-kurangnya dalam tempoh 20 tahun.

Pengarah Urusan Bersama Bahagian Pembangunan Hartanah Sunway Berhad Malaysia dan Singapura, Sarena Cheah, berkata daripada jumlah berkeajaan, seluas 279.6 hektar iaitu 31 peratus membabitkan pembangunan di kawasan Medini, Iskandar Malaysia.

120,000 populasi

Daripada keseluruhan projek, katanya, 60 peratus membabitkan pembinaan kediaman, manakala 40 peratus lagi adalah kawasan komersial dengan anggaran populasi seramai 120,000.

“Bagi fasa pertama, Citrine The Lakeview Precint, ia mem-

babitkan pembangunan bernilai RM350 juta yang dijangka siap dalam tempoh tiga tahun, merangkumi pembinaan bangunan pencakar langit, 328 apartmen, 167 lot pejabat, 51 unit premis dan sekolah antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran projek berkenaan di galeri pameran Sunway Iskandar di Nusajaya, Johor

Bahru di sini, kelmarin. Hadir sama, Pengarah Urusan Bersama Sunway, Ong Pang Yen serta Pengarah Eksekutif Hartanah dan Pembinaan Wilayah Selatan, Tan Wee Bee.

Sunway Iskandar terletak dalam wilayah Iskandar Malaysia yang strategik, dengan hanya mengambil masa kira-kira lima minit akses ke Link Kedua, selain mudah dihubungkan ke lokasi utama apabila projek Sistem Transit Pantas (RTS) Singapura-Johor Bahru siap sepenuhnya.

Sarena berkata, setiap presint yang dibina di Sunway Iskandar direka khas sebagai satu bandar bersepadu yang mampu berdiri sendiri seperti Sunway Resort City, dengan segala kemudahan dibina dalam kawasan terbabit bagi memudahkan serta memberi keselesaan kepada penduduk.



Sarena bersama Pang Yen (kiri) dan Wee Bee melihat model pembangunan Sunway Iskandar di Nusajaya.